

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVAN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**SOALAN**

**TUAN STEVAN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah jangka pendek untuk memastikan sektor pertanian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan tidak berkurangan pekerja memandangkan Kerajaan telah komited untuk mengurangkan pekerja asing secara berperingkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa keperluan terhadap tenaga kerja asing masih ada tetapi dari semasa ke semasa pihak Kerajaan berusaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa kaedah bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan secara jangka panjang.

Di antara langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ialah memperkenalkan Dasar Gaji Minimum bagi memastikan gaji yang ditawarkan oleh majikan lebih kompetitif dan dapat menarik minat lebih ramai pencari kerja tempatan untuk memasuki pasaran kerja terutamanya bagi kategori pekerjaan asas. Kerajaan juga memperkenalkan Peraturan Kerja Separa Masa bagi menarik golongan *latent workforce* untuk memasuki pasaran kerja.

Buat masa kini, ramai majikan dari pelbagai sektor dan subsektor sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja. Salah satu punca kenapa situasi ini berlaku ialah kerana tidak ada kemasukan pekerja asing baharu kerana bagi menggantikan pekerja yang telah tamat PLKS. Di samping itu, ramai pekerja asing yang pulang bercuti telah tidak dapat kembali bekerja di Malaysia kerana penutupan pintu masuk negara bertujuan mengawal penularan wabak COVID-19.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah memperkenalkan **beberapa program jangka pendek** antaranya:

- i. memperkenalkan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja di mana pekerja asing tanpa izin (PATI) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan diberi izin (pemutihan) untuk diambil bekerja oleh majikan. Di

## SOALAN NO : 497

antara justifikasi program ini diperkenalkan ialah untuk memanfaatkan keberadaan PATI dalam negara bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja;

- ii. mempermudah proses pertukaran majikan bagi pekerja asing di mana pertukaran boleh dibuat secara '*cross sector*'. Majikan yang tidak lagi mampu untuk menggajikan pekerja asing boleh menyerahkan sebahagian daripada pekerja asing kepada satu atau lebih majikan baharu dan majikan asal tidak akan disenaraihitam untuk mengambil pekerja asing pada masa hadapan; dan
- iii. selain itu, dalam usaha menggalakkan pewujudan peluang pekerjaan yang berkualiti dan mengurangkan kadar pengangguran di kalangan pekerja tempatan, Kerajaan melalui PERKESO telah menambahbaik Program Penjana Kerjaya 3.0 di bawah PEMULIH yang bermula 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021. Antara inisiatif yang diperkenalkan di bawah Program Penjana Kerjaya 3.0 adalah seperti berikut:
  - a. *Malaysianization* adalah satu program untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan;
  - b. Perluasan insentif pengambilan pekerja di bawah Program KerjayaGig bagi sektor perkhidmatan; dan
  - c. Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS). Insentif ini telah diperluaskan kepada kategori penempatan pekerja berkemahiran rendah iaitu gaji di bawah RM3,000. Agensi akan diberikan insentif sebanyak RM100 bagi setiap penempatan yang berjaya mereka lakukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[TEBRAU]**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara masa kini dan nyatakan secara terperinci jenis hutang seperti bil-bil atau tuntutan kontrak belum dibayar, pinjaman bank/bon, pinjaman sewa-beli, komitmen pajakan, komitmen kontrak dan jaminan bank dan parti lain serta jumlah yang perlu dijelaskan dalam 12 bulan dan selepas 12 bulan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat akhir September 2021, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat 969.3 bilion ringgit atau 64% kepada KDNK. Daripada jumlah hutang pada akhir September, hutang statutori berjumlah 905 bilion ringgit atau 59.7% kepada KDNK, iaitu masih di bawah had statutori 60% KDNK pada ketika itu. Seperti yang Dewan ini sedia maklum, had statutori ini telah dinaikkan kepada 65% kepada KDNK pada Oktober yang lalu.

Selain daripada hutang Kerajaan Persekutuan, Kerajaan juga menanggung liabiliti lain seperti berikut:

- Pertama, komitmen jaminan iaitu hutang-hutang syarikat berkaitan Kerajaan yang mendapat jaminan Kerajaan serta diberi peruntukan untuk pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dan utiliti awam yang berjumlah 191.5 bilion ringgit;

- Kedua, hutang syarikat 1Malaysia Development Berhad (atau 1MDB) yang dianggarkan kira-kira 32 bilion ringgit; dan
- Ketiga, liabiliti kewangan lain meliputi projek kerjasama awam swasta (atau PPP) termasuk pajakan serta projek di bawah inisiatif pembiayaan swasta (atau PFI) dan PBLT Sdn. Bhd. yang dianggarkan berjumlah 155.1 bilion ringgit.

Secara keseluruhannya, kedudukan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan pada akhir September 2021 dianggarkan berjumlah 1.3 trilion ringgit atau 89% kepada KDNK.

Sekian, terima kasih.